Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 6 – 8 JULAI 2021**

**BIL. 22 / 2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 8 Julai 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 725,480** atau 89.7 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **77,275 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **8,868 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **808,658 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **8,858 kes** daripada catatan harian dengan **77.5 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 10 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 44.6 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.3 peratus), Zon Selatan (17.9 peratus), Zon Utara (11.5 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.8 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **4,152 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,133 kes), Negeri Sembilan (857 kes), Perak (543 kes), Kedah (360 kes) dan Johor (336 kes). Sejumlah **5,903 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **135 kematian terbaharu,** iaitu kematian tertinggi yang direkodkan setakat ini.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 7 Julai 2021 menunjukkan seramai **6,999,554** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Sarawak menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **1,283,776** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,266,223. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Selangor (1,251,769), Johor (496,281), Perak (422,498), Sabah (392,408), Pulau Pinang (358,121), Kedah (279,317) sementara Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 242,412 dan 240,405. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **10,036,361 meliputi 6,999,554** penerima bagi **dos pertama** manakala **3,036,807** telah menerima **dos yang kedua**.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- US: **Pasaran buruh semakin meningkat**. Jumlah rakyat US yang mengemukakan tuntutan baharu faedah pengangguran turun lebih banyak daripada yang dijangkakan minggu lalu. Sementara itu,

pemberhentian pekerjaan jatuh ke paras terendah 21 tahun pada Jun 2021, menunjukkan pemulihan pasaran buruh US dari pandemik COVID-19. (Reuters)

- US: **Pertumbuhan pembuatan perlahan pada Jun 2021.** Laporan yang dikeluarkan oleh Institute for Supply Management menunjukkan pertumbuhan perlahan sektor Pembuatan US pada Jun 2021. PMI Pembuatan merosot kepada 60.6 pada Jun 2021 daripada 61.2 pada Mei 2021. Walau bagaimanapun, bacaan di atas skor 50 menunjukkan ada pertumbuhan di sektor pembuatan. Penganalisis ekonomi menjangkakan indeks turun kepada 61.0 (RTT)

- US: **Perbelanjaan di sektor Pembinaan merosot 0.3% pada Mei 2021.** Commerce Department US melaporkan, perbelanjaan pembinaan di US susut 0.3% kepada US1.545 trilion (jumlah yang ditahunkan) pada Mei 2021 setelah meningkat 0.1% kepada nilai US1.550 trilion pada April 2021. (RTT)

- US: **Congressional Budget Office (CBO) menggandakan unjuran pertumbuhan ekonomi US kepada 7.4%.** CBO menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi US pada fiskal 2021 menjadi 7.4%. Dengan unjuran pertumbuhan ini, defisit belanjawan persekutuan dijangka akan sedikit menurun pada US3 trilion walaupun perbelanjaan bantuan COVID-19 yang lebih tinggi. (Reuters)

- EU: **Pertumbuhan sektor Pembuatan, kos input meningkat pada kadar yang tertinggi pada Jun 2021**. Aktiviti pembuatan zon Eropah berkembang pada kadar terpantas pada bulan Jun 2021. Tinjauan juga menunjukkan pengilang menghadapi kenaikan harga bahan mentah yang paling tinggi dalam dua dekad. (Reuters)

- CHINA: **Harga rumah baharu bulan Jun 2021 stabil.** Pertumbuhan harga rumah baharu China sebahagian besarnya stabil pada bulan Jun 2021, didorong tindakan kerajaan yang mengekang peminjaman yang berleluasa dan pengawalan harga perumahan di beberapa bandar. Kajian dari China Index Academy, sebuah insitusi penyelidikan hartanah di China mendapati harga rumah baharu di 100 bandar meningkat 0.36% pada bulan Jun 2021 dari bulan sebelumnya. (Reuters)

- INDIA: **Kadar pengangguran Jun jatuh kepada 9.17%.** Sebuah badan penyelidik di India, Centre for Monitoring Indian Economy (CMIE) melaporkan kadar pengangguran India pada bulan Jun jatuh kepada 9.17% dari 11.90% pada bulan Mei 2021. Sebilangan besar kegiatan ekonomi telah dibuka semula setelah kerajaan melonggarkan sekatan pergerakan setelah penurunan jangkitan COVID-19, yang memuncak pada bulan Mei 2021. (Reuters)

- JAPAN: **Persekitaran perniagaan pada tahap tertinggi 2 setengah tahun apabila COVID-19 mereda.** Keyakinan perniagaan pengeluar utama Japan meningkat pada suku kedua hingga mencapai paras tertinggi dua setengah tahun. Tinjauan oleh bank pusat menyatakan, permintaan global yang kukuh membantu ekonomi kembali memulih dari pandemik COVID-19. (Reuters)

- INDONESIA: Harga pengguna naik lebih perlahan dari yang dijangkakan. Harga pengguna Indonesia meningkat kurang dari yang dijangkakan pada bulan Jun apabila meningkat 1.33% tahun ke tahun berbanding jangkaan kenaikan 1.41%. Inflasi teras meningkat 1.49% pada bulan Jun 2021, yang melebihi ramalan ekonomi pada kadar 1.43%. Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan, harga pengguna turun -0.16% pada bulan Jun 2021, setelah kenaikan 0.32% pada bulan sebelumnya. (RTT)

- INDONESIA: **Jumlah pelancong asing turun -3.85% tahun ke tahun pada Mei 2021**. Kedatangan pelancong luar negara ke Indonesia turun -3.85% pada bulan Mei, kepada 155,600 orang pengunjung. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) **memperuntukkan RM20 juta daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi membantu koperasi yang terjejas**. Peruntukan tersebut akan diagihkan menerusi empat Program Pemulihan Koperasi iaitu Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR), Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) dan Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT).

2. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyatakan bahawa dianggarkan 580,000 perniagaan yang mewakili **49 peratus daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) berdepan risiko gulung tikar** menjelang Oktober sekiranya terus tidak beroperasi.

3. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah **memperluas senarai sektor** yang dibenarkan beroperasi dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor. Sektor terlibat adalah pembuatan **makanan dan minuman utama, elektrik dan elektronik dan rantaian bekalan, aeroangkasa, mesin dan peralatan bagi pengeluaran produk kesihatan dan makanan**.

4. **Pendapatan sektor e-dagang Malaysia melonjak 30 peratus** kepada RM254.6 bilion pada suku pertama 2021 berbanding RM195.9 bilion yang dicatatkan pada suku yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif itu **dipacu sektor pembuatan dan perkhidmatan**. Pada tahun 2020, prestasi sektor e-dagang turut melonjak 32.7 peratus dengan pendapatan sebanyak RM896.4 bilion.

5. Jumlah **permintaan bagi perjalanan udara pada Mei 2021 turun 62.7 peratus** berbanding Mei 2019. Namun, ia merupakan **peningkatan berbanding April 2021** yang mencatatkan penurunan 65.2 peratus berbanding April 2019. Ini terutamanya **disebabkan oleh sekatan ketat yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara**. Jumlah permintaan domestik susut 23.9 peratus berbanding paras sebelum krisis (Mei 2019). IATA menyaksikan perkembangan positif dengan beberapa pasaran antarabangsa membukakan sempadan kepada pengembara yang telah menerima vaksin.

6. Kerajaan akan **melanjutkan Program Subsidi Upah (PSU)** menerusi PSU 4.0 selama 4 bulan bermula 1 Ogos 2021, bagi membantu majikan mengekalkan perniagaan dan pekerja. Peruntukan berjumlah **RM3.8**

**bilion** akan disalurkan kepada majikan yang layak. Program ini menyasarkan **242,000 majikan** dengan **2.5 juta pekerja seluruh negara**.

7. Antara **langkah-langkah diambil kerajaan bagi mengelakkan kelumpuhan sistem kesihata**n di empat negeri termasuklah memindahkan pesakit bukan COVID-19 ke **hospital swasta**, bekerjasama dengan hospital swasta dan menggalakkan **penubuhan lebih banyak Pusat Kuarantin Risiko Rendah Swasta (PKRCS)** kendalian fasiliti kesihatan swasta.

8. Tinjauan Persatuan Hotel Malaysia (MAH) ke atas 320 hotel di seluruh negara mendapati **44.69 peratus hotel** melaksanakan **pemotongan gaji langsung**, **14.06 peratus** telah **memberhentikan pekerja** sementara **34.69 peratus** lagi telah **mengurangkan faedah** kepada pekerja.

9. **Penutupan sementara kilang-kilang sarung tangan** bukan hanya akan mempengaruhi pendapatan syarikat tetapi juga **boleh menjejaskan hubungan mereka dengan pembeli luar negara** terutama ketika pengeluar sarung tangan Malaysia pada masa ini berhadapan **persaingan yang semakin sengit daripada pembuat sarung tangan China**. Top Glove, Hartalega dan Kossan telah menggantung operasi kilang pengeluaran sarung tangan masing-masing di Selangor pada Selasa susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

10. Peningkatan kes COVID-19 di beberapa lokaliti akan dilaksanakan **PKPD bermula 9 Julai sehingga 22 Julai 2021** bagi mengekang penularan wabak tersebut. Kawasan tersebut meliputi di negeri **Sabah, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Johor**.

11. Lebih **500,000** yang terlibat dalam **sektor perkhidmatan borong dan runcit** dijangka **akan mendapat vaksin** bermula minggu hadapan.

12. Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia mencadangkan agar **pekerja yang sudah menerima vaksin COVID-19 dibenarkan untuk beroperasi secara penuh**. Ini terutamanya disebabkan oleh **sektor E&E yang kritikal kepada bekalan domestik dan global** dan digunakan dalam semua peralatan termasuklah peralatan perubatan. Pada masa ini, bekalan global sedang mengalami kekurangan komponen bagi produk E&E.

13. Bagi negeri yang memasuki **Fasa Kedua PPN**, antara premis yang menjadi tumpuan orang ramai adalah **kedai gunting rambut, pusat cuci kenderaan, kedai elektrik dan kedai buku.**

14. **Harga rumah** dijangka **meningkat 3 peratus** dalam jangka 12 bulan akan datang. Bagi **sewaan juga dijangka akan meningkat** hanya 1 peratus bagi 12 bulan akan datang ekoran daripada pembukaan semula ekonomi.

15. **Harga runcit petrol RON97 naik** satu sen kepada RM2.70 seliter berbanding RM2.69 sebelum ini manakala harga **RON95 dan diesel tidak berubah** bermula tengah malam ini hingga 14 Julai depan. Harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 sen seliter manakala harga diesel kekal pada paras RM2.15 sen seliter.

16. Lebih **1,800 keluarga B40 dari seluruh Semenanjung** yang terkesan akibat pandemik COVID-19 menerima **bantuan wang tunai** dengan nilai agihan melebihi **RM1 juta** menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP).

17. Seramai **21,802** orang terdiri daripada **petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan badan bukan kerajaan** (NGO) di 82 lokasi seluruh negara telah menerima **manfaat** daripada program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dikenali sebagai MAFI Prihatin bermula 27 Mei lepas.

18. Sebanyak **58.3 peratus guru di seluruh negara** telah menerima suntikan sekurang-kurangnya dos pertama vaksin COVID-19.

19. **Grab dan Microsoft** telah bekerjasama di Malaysia untuk menyediakan **program latihan dan pembangunan** untuk memperkasa rakan pemandu dan penghantar dengan kemahiran digital. Program latihan ditawarkan menerusi GrabBenefits (rakan Grab) dan GrabAcademy (rakan penghantar dan pemandu). Inisiatif telah diperkenalkan pada Februari 2021 dijangka **memberi manfaat pada lebih 10,000 rakan pemandu dan penghantar** di Malaysia menjelang akhir 2021.

20. **Hartalega** Holdings Bhd telah mula **penutupan sepenuhnya semua fasiliti** pengeluaran sarung tangan di Bestari Jaya dan Sepang berikutan pelaksanaan PKPD di Selangor. Situasi ini akan memberi **impak besar** terhadap **rantaian bekalan kesihatan** dalam dan luar negara berikutan Hartalega merupakan **pengeluar utama sarung tangan nitril** untuk hospital di **seluruh dunia.**

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Metro**<br>7 Julai 2021<br>(*Non-essential*) | **Lokaliti di Negeri Sembilan, Sabah, Pahang, Kelantan, Johor dikenakan PKPD**<br><br>Bagi mengekang penularan COVID-19, beberapa kawasan di Negeri Sembilan, Sabah, Pahang, Kelantan dan Johor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 9 Julai hingga 22 Julai. Perintah tersebut dilaksanakan berikutan kes yang semakin meningkat. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/727688/lokaliti-di-negeri-sembilan-sabah-pahang-kelantan-johor-dikenakan-pkpd |
| 2. | **Berita Harian**<br>7 Julai 2021<br>*(Non-essential)* | **580,000 syarikat kecil berisiko tutup operasi**<br><br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyatakan bahawa dianggarkan 580,000 perniagaan yang mewakili 49 peratus daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) berdepan risiko gulung tikar menjelang Oktober ini sekiranya mereka terus tidak diberi kebenaran beroperasi.<br><br>Penutupan perniagaan itu juga menyebabkan lebih tujuh juta rakyat dijangka hilang pekerjaan dengan anggaran setiap daripadanya mempunyai dua tanggungan, iaitu menyebabkan 14 juta rakyat terjejas. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836735/580000-syarikat-kecil-berisiko-tutup-operasi |
| 3. | **The Edge Market**<br>8 Julai 2021<br>*(Non-essential)* | **Vaccination for frontliners in retail, distribution sector expected next week**<br><br>Almost 500,000 frontliners in the retail and distribution sector are | https://www.theedgemarkets.com/article/vaccination-frontliners-retail-distribution-sector-expected-next-week |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | expected to receive their COVID-19 vaccines next week.<br><br>They are also important entities in safeguarding the well-being of the public as they continue to supply them with food and other daily essentials. | |

Penemuan penting & isu:

1. Peningkatan kes COVID-19 di beberapa lokaliti akan dilaksanakan PKPD bermula 9 Julai sehingga 22 Julai 2021 bagi mengekang penularan wabak tersebut. Kawasan tersebut meliputi di negeri Sabah, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Johor.

2. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyatakan bahawa dianggarkan 580,000 perniagaan yang mewakili 49 peratus daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) berdepan risiko gulung tikar menjelang Oktober sekiranya terus tidak beroperasi.

3. Lebih 500,000 yang terlibat dalam sektor perkhidmatan borong dan runcit dijangka akan mendapat vaksin bermula minggu hadapan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan PKPD dijangka akan memberi kesan secara langsung kepada ekonomi berikutan sekatan perjalan dan penutupan sempadan. Pada tahun 2020, kesemua negeri merekodkan pertumbuhan negatif iaitu Sabah (-9.5%), Negeri Sembilan (-3.6%), Pahang (-5.9%), Kelantan (-1.1%) dan Johor (-4.6%).

2. Industri Perusahaan Kecil dan Sederhana merupakan salah satu penggerak kepada ekonomi negara khususnya bagi sektor pertanian dan perkhidmatan swasta. Penangguhan operasi yang berpanjangan akan melumpuhkan sektor PKS. Berdasarkan pada prestasi 2019, PKS menyumbang 38.9% daripada nilai ditambah KDNK negara.

3. Usaha Kerajaan dalam memastikan vaksinasi pekerja yang terlibat dalam sektor perdagangan borong dan runcit dengan lebih cepat secara tidak langsung dapat membantu memastikan rantaian bekalan barang keperluan harian tidak terputus dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Pada ST1 2021, pertumbuhan perkhidmatan borong dan runcit pulih masing-masing kepada 0.6 peratus (ST4 2020: -0.8%) dan 0.8 peratus (ST4 2020: -3.0%).

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Bernama**<br>6 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **PublicInvest Research kekalkan saranan 'overweight' untuk sektor minyak dan gas**<br><br>PublicInvest Research mengekalkan saranan "overweight" ke atas sektor minyak dan gas dengan jangkaan harga minyak boleh melonjak ke paras US$80 setong, didorong oleh permintaan dan penawaran minyak global yang semakin meningkat. Berdasarkan kepada kedinamikan sektor semasa, ia menjangkakan harga purata minyak sekitar US$70- $75 setong untuk tahun ini. Firma penyelidikan itu turut berpendapat permintaan untuk minyak semakin baik dengan pemulihan dijangkakan pada 2022, terutama apabila kebanyakan penerbangan jarak jauh yang menggunakan lebih banyak bahan bakar beroperasi semula. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1979430 |
| 2. | **Sinar Harian**<br>6 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **Honor tawar penjimatan sehingga RM280**<br><br>HONOR Malaysia (Honor) menawarkan promosi berbaloi kepada mereka yang mencari komputer riba dan peranti boleh pakai menerusi jualan 7.7 Shopee yang akan berlangsung dari 5 hingga 7 Julai 2021. | https://www.sinarharian.com.my/article/148334/BISNES/Honor-tawar-penjimatan-sehingga-RM280 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Honor adalah penyedia peranti pintar terkemuka global yang ditubuhkan pada 2013 dan komited untuk menjadi jenama teknologi ikonik global dan membolehkan kehidupan pintar melangkaui keseluruhan keadaan serta saluran, untuk semua orang. | |
| 3. | **Harian Metro**<br>6 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Kempen Shop Malaysia Online (SMO) - Manfaat 2.9 juta pembeli**<br><br>Kempen Shop Malaysia Online (SMO) di Shopee kembali untuk tahun kedua bagi memanfaatkan lebih ramai rakyat Malaysia melalui baucar diskaun, pulangan tunai dan subsidi penghantaran percuma. Kempen Ringgit-ke-Ringgit di Shopee memanfaatkan lebih daripada 2.9 juta pembeli, menjana jualan bernilai lebih RM540 juta untuk 80,000 penjual Malaysia di platform e-dagang itu.<br><br>Ia juga melahirkan pembeli atas talian baharu yang secara purata membuat empat pembelian tambahan di Shopee dalam tempoh kempen ini, walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika itu dilonggarkan.<br><br>Data ini menunjukkan selain memberi impak positif kepada kegiatan ekonomi, inisiatif ini berjaya memacu digitalisasi," katanya. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/726994/manfaat-29-juta-pembeli |
| 4. | **The Star**<br>6 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **New launches driving industry**<br><br>Passenger cars sales this year will continue to be spurred by new | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/06/ne |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | volume-driven launches such as the Perodua Ativa, Proton X50, Honda City, and Toyota Yaris and Vios along with overflowing back-logged bookings and the extension of sales and service tax (SST) exemption, and seasonal promotions.<br><br>This prevented financial conditions in the first quarter from worsening, and with hopes of better income and job prospects, and consumers expect shopping to return, but not without growing jitters over rising essential item price.<br><br>As for the second quarter, Kenanga Research expects most of the auto players to chart a slower drive with the total lockdown in June resulting in all the marques' show rooms, vehicle productions and deliveries to be temporarily closed, halted and delayed for the phase one of the National Recovery Plan period. | w-launches-driving-industry |
| 5. | **New Straits Times**<br>6 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **Isuzu more than doubles D-Max sales in Malaysia**<br><br>The all-new Isuzu D-Max has recorded over 100 per cent rise in orders since its recent debut in Malaysia.This mirrored a similar global phenomenon that had witnessed a huge rise in demand for this vastly-improved pick-up truck, Isuzu Malaysia said.<br><br>According to Isuzu Malaysia, an average monthly booking of over 1,200 units had been received for the third-generation model since its launch in April this year. | https://www.nst.com.my/business/2021/07/705549/isuzu-more-doubles-d-max-sales-malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **Harian Metro**<br>7 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **Adeeena Hijab sasar jual 10,000 selendang**<br><br>Adeeena Hijab optimis untuk mencapai sasaran menjual kira-kira 10,000 helai selendang keluarannya akhir tahun ini dengan disokong pemasaran secara dalam talian.<br><br>Pengasasnya, Lutfi Radin Damanhury berkata, idea menghasilkan tudung di bawah jenama Adeeena Hijab ini tercetus ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tidak menyangka menerima sambutan menggalakkan daripada pelanggan.<br><br>Lutfi berkata, walaupun baru lagi dalam pasaran, namun Adeeena Hijab mendapat kepercayaan ejennya yang aktif mempromosikan produk ini secara dalam dan luar talian. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/727446/adeeena-hijab-sasar-jual-10000-selendang |
| 7. | **Harian Metro**<br>7 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **UMWT tambah pelaburan RM270 juta**<br><br>UMW Toyota Motor (UMWT) mengumumkan langkah untuk menggerakkan inisiatif pengecualian karbon menerusi usaha pengeluaran kenderaan hibrid elektrik (HEV) di peringkat tempatan. Timbalan Pengerusi UMWT, Akio Takeyama berkata, sejajar hasratnya untuk mempelopori usaha berkenaan di Malaysia, UMWT akan membuat pelaburan tambahan sebanyak RM270 juta di negara ini bagi memperluas operasi serta | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/07/727444/umwt-tambah-pelaburan-rm270-juta |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kemudahan pengeluaran sedia ada.<br><br>UMWT bersedia (dengan pengenalan barisan kenderaan HEV) dan teknologi berkaitan, sokongan servis, prasarana semasa, dasar global dan domestik, tahap mampu milik dan keberkesanan kos, kesedaran dan permintaan pelanggan terutama di Malaysia kini di tahap paling ideal untuk membolehkan kami meneruskan perjalanan baharu bagi mencapai pengecualian karbon ini. | |
| 8. | **Sinar Harian**<br>7 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Ordersini platform e-dagang inovatif**<br><br>Pembelian dan penjualan barangan dalam talian (online) kini menjadi trend pengguna termasuk peniaga bukan sahaja di negara ini malah di seluruh dunia.<br><br>Pengasas Ordersini, Iffat Salleh berkata, pandemik COVID-19 menyebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan urus niaga melalui platform e-dagang menjadi norma baharu yang semakin dipraktikkan dalam kehidupan harian. “Ordersini komited memberikan peluang kepada peniaga tradisional untuk beralih kepada e-dagang dengan cara yang mudah dan mengendalikan perniagaan dalam talian dengan lancar. | https://www.sinarharian.com.my/article/148582/BISNES/Ordersini-platform-e-dagang-inovatif |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Free Malaysia Today**<br>7 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Boustead mulling options, including sale, for palm oil unit**<br><br>Boustead Holdings Bhd is weighing options for its listed palm oil subsidiary including a sale, people with knowledge of the matter said. The parent of Boustead Plantations Bhd is working with an adviser on the potential options, the people said, asking not to be named as the information is private. A plan could be implemented as soon as the next few weeks.<br><br>The potential sale comes as Boustead Holdings is attempting to reinvent itself amid difficulties that predate the COVID-19 pandemic, including debt totalling almost RM7.5 billion, according to its earnings statement for the quarter ended March 31.<br><br>The restructuring plan by one of Malaysia's oldest conglomerates, which traces its roots to 1828, included a pledge to dispose of non-strategic assets. Palm oil prices are up 3.7% this year after touching an all-time high in May. Palm oil planter Kuala Lumpur Kepong Bhd last month offered to buy a controlling stake in smaller rival IJM Plantations Bhd for RM1.5 billion. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/07/07/boustead-mulling-options-including-sale-for-palm-oil-unit/ |
| 10. | **Sinar Harian**<br>8 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Kempen Go-Ecommerce onboarding galakkan usahawan PKS berniaga online**<br><br>PLATFORM langganan gaya hidup, SUBPLACE dan | https://www.sinarharian.com.my/article/148821/BISNES/Kempen-Go-Ecommerce-onboarding- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bekerjasama melancarkan kempen Go-eCommerce Onboarding untuk menggalakkan lebih banyak peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menjalankan perniagaan dalam talian.<br><br>Kempen itu memberi bantuan untuk menanggung kos pendigitalan perniagaan PKS yang terjejas dengan pelaksanaan Kawalan Pergerakan yang berterusan dalam Pelan Pemulihan Negara bagi mengawal penularan pandemik COVID-19. | galakkan-usahawan-PKS-berniaga-online |
| 11. | **Utusan**<br>8 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **Petronas bekal LNG RM29.11 bilion**<br><br>Petronas melalui anak syarikatnya, Petronas LNG Ltd. (PLL) memeterai perjanjian 10 tahun bagi pembekalan gas asli cecair (LNG) kepada anak syarikat China National Offshore Oil Corporation (CNOOC), CNOOC Gas and Power Trading Marketing Limited. Perjanjian bekalan jangka panjang tersebut turut melibatkan pembekalan daripada LNG Canada apabila fasilitinya memulakan operasinya dalam pertengahan dekad ini. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/07/petronas-bekal-lng-rm29-11-bilion/ |
| 12. | **New Straits Times**<br>8 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **Petronas's new solar energy business is now operational, on track to meet the NZCE 2050 target**<br><br>(Petronas) has begun a programme to deploy solar | https://www.nst.com.my/business/2021/07/706312/petronass-new-solar-energy-business-now-operational-track-meet-nzce-2050 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | energy at the group's assets throughout Malaysia to improve energy efficiency and reduce carbon emissions through its new energy business.<br><br>When completed, the solar systems will have a combined capacity of over 66 megawatts (MWp) and will assist Petronas in achieving annual carbon emissions reductions of 58,000 tonnes of carbon dioxide equivalent. | |
| | **B. Subsektor Kewangan** | | |
| 13. | **Astro Awani**<br>8 Julai 2021<br>(Essential) | **MEDAC sedia RM20 juta bantu koperasi terjejas**<br><br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan memperuntukkan RM20 juta daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi membantu koperasi yang terjejas.<br><br>Menurut MEDAC, peruntukan akan diagihkan menerusi empat Program Pemulihan Koperasi iaitu Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR), Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) dan Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT). | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/medac-sedia-rm20-juta-bantu-koperasi-terjejas-307308 |

| | C. Subsektor Kesihatan | | |
|---|---|---|---|
| 14. | **The Edge Malaysia**<br>6 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Adham: 112 private hospitals treating COVID-19 patients**<br><br>As of last Thursday, 53.1 per cent or 112 of the total 211 private hospitals nationwide have begun providing treatment for COVID-19 infections. 1,277 ward beds and 129 beds have been provided for the intensive care unit (ICU) to handle COVID-19 cases nationwide.<br><br>On the involvement of medical practitioners from the private sector in giving vaccine jabs, Adham said 1,230 vaccination centres (PPVs) had been set up so far under ProtectHealth, which had been given the mandate to involve private medical practitioners. | https://www.theedgemarkets.com/article/adham-112-private-hospitals-treating-covid19-patients |
| 15. | **New Straits Times**<br>6 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Sarawak confident of administering 65,000 COVID-19 vaccine jabs daily**<br><br>Based on the rate of work carried out and the supply of COVID-19 vaccines, Sarawak is confident of vaccinating up to 65,000 people daily soon. The Sarawak Disaster Management Committee (SDMC) chairman said 313 PPVs had been set up throughout Sarawak, including in government hospitals and health clinics, private hospitals, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), armed forces facilities, private clinics, and mobile teams. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/705701/sarawak-confident-administering-65000-covid-19-vaccine-jabs-daily |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16. | **Berita Harian**<br>6 Julai 2021<br>(*Essential*) | **KKM usaha bendung COVID-19 dalam wad psikitari**<br><br>Peningkatan pesakit dalam wad psikiatri perlu ditangani secara tuntas, bagi mengelak risiko penularan wabak COVID-19.<br><br>Dr Adham mengakui isu kesihatan mental semakin meruncing sejak kebelakangan ini berikutan kesan penularan COVID-19 dan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh. Sehubungan itu, 400 pakar psikiatri, dengan 181 daripadanya berada di universiti dan hospital swasta di seluruh negara bersedia menawarkan perkhidmatan kepada individu berkaitan.<br><br>Berdasarkan norma Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), nisbah yang digunakan ialah seorang psikiatri bagi setiap 10,000 penduduk, justeru Malaysia sebenarnya memerlukan 3,100 pakar psikiatri bagi 32 juta penduduk. Tetapi, status kita setakat 2017 lalu ialah 0.1 psikiatri bagi setiap 10,000 penduduk atau 0.1:10,000. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836004/kkm-usaha-bendung-covid-19-dalam-wad-psikitari |
| 17. | **Berita Harian**<br>6 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Hospital swasta terus salur bantuan jurulatih terlatih**<br>Hospital swasta akan terus menyalurkan bantuan petugas perubatan, khususnya jururawat terlatih, bagi menangani keadaan kritikal dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam susulan pandemik COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836131/hospital-swasta-terus-salur-bantuan-jurulatih-terlatih |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Langkah alternatif itu ialah antara usaha sedang giat dirintis berdasarkan permintaan sektor perkhidmatan kesihatan awam, selepas beberapa hospital swasta berdepan kekangan untuk mengendalikan kes COVID-19. Dr Adham memaklumkan, segelintir hospital swasta tidak menawarkan diri untuk menyediakan perkhidmatan merawat kes wabak terbabit kerana berdepan kekangan seperti kemudahan terhad dan kesukaran mengubah suai struktur sedia ada. | |
| 18. | **Berita Harian**<br>7 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Perak buka dua lagi PPV baharu**<br><br>Pembukaan dua PPV baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 101 PPV termasuk di pusat hospital dan klinik swasta sudah dibuka di negeri itu setakat ini. Kerajaan negeri turut mencadangkan pembukaan PPV mega secara pandu lalu di Taman Tema Lost World of Tambun. Datuk Saarani Mohamad berkata, pihaknya akan mewujudkan lebih banyak kolaborasi dengan pihak hospital dan klinik swasta untuk terbabit dalam program vaksinasi.<br><br>Jika bekalan vaksin tiba seperti dijadualkan, Perak mampu merekodkan kadar suntikan sebanyak 24,000 sehari dan jumlah itu boleh mencapai sehingga 30,000 sehari jika | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836550/perak-buka-dua-lagi-ppv-baharu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menerima lebih banyak bekalan vaksin selepas ini. | |
| 19. | **Harian Metro**<br>7 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Sistem kesihatan 4 negeri akan lumpuh**<br><br>Sistem kesihatan di empat negeri akan lumpuh jika kes harian baharu yang dilaporkan tidak menunjukkan tanda-tanda pengurangan.<br><br>Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, purata kes harian di empat negeri iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, dan Labuan meningkat secara purata 2.6 peratus selama tujuh hari kebelakangan ini.<br><br>"Sehingga kini, empat negeri menunjukkan peningkatan kes harian baharu melebihi kapasiti maksimum hospital di negeri berkenaan iaitu 38 kes baharu harian bagi setiap 100,000 penduduk.<br>Lebih membimbangkan lagi, trend kemasukan kes-kes COVID-19 ke Unit Rawatan Rapi (ICU) masih berada pada tahap yang tinggi.<br><br>Antara langkah-langkah diambil adalah penukaran beberapa hospital di kawasan Lembah Klang sebagai Hospital COVID-19, misalnya Hospital Ampang, Hospital Sungai Buloh, dan Hospital Pakar Kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia. | https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/727706/sistem-kesihatan-4-negeri-akan-lumpuh |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | "Meningkatkan lagi kapasiti katil Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Selayang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) untuk dijadikan sebagai pusat rawatan pesakit kategori 4 dan 5. | |
| | **D. Subsektor Penginapan** | | |
| 20. | **Sinar Harian**<br>**6 Julai 2021**<br>*(Essential)* | **Sabah sasar 60 peratus penduduk divaksin menjelang Oktober: Hajiji**<br><br>Kerajaan Sabah menyasarkan sekurang-kurannya 60 peratus penduduk di negeri ini diberi suntikan vaksin COVID-19 menjelang Oktober.<br><br>Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, melalui pemberian vaksin itu akan membolehkan lebih banyak sektor perniagaan dan perkhidmatan dibuka semula**.** | https://www.sinarharian.com.my/article/148438/KHAS/Covid-19/Sabah-sasar-60-peratus-penduduk-divaksin-menjelang-Oktober-Hajiji |
| 21. | **Utusan Malaysia**<br>**6 Julai 2021**<br>*(Essential)* | **63 peratus pekerja hotel cuti tanpa gaji**<br><br>Kira-kira 63.13 peratus hotel terpaksa memberikan cuti tanpa gaji kepada pekerja masing-masing akibat kerugian operasi yang dialami sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Bercakap kepada Utusan Malaysia, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Yap Ling Seng berkata, dalam tinjauan yang dilaksanakan persatuan itu baru-baru ini, 44.69 peratus hotel melaksanakan pemotongan gaji | https://www.utusan.com.my/nasional/2021/07/63-peratus-pekerja-hotel-cuti-tanpa-gaji/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | langsung; 14.06 peratus memberhentikan pekerja. | |
| 22. | **Harian Metro**<br>**6 Julai 2021**<br>*(Essential)* | **Hotel Renaissance Johor Bahru agih 500 pek makanan kepada petugas PPV**<br><br>Demi menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan, Hotel Renaissance Johor Bahru mengedarkan makanan kepada mereka di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Raya Bandar Seri Alam, Masai di sini, baru-baru ini.<br><br>Pengurus Besarnya, Gagan Singh berkata, agihan 500 pek makanan dilakukan mulai 20 hingga 27 Jun lalu. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/727158/hotel-renaissance-johor-bahru-agih-500-pek-makanan-kepada-petugas-ppv |
| 23. | **Utusan Malaysia**<br>**7 Julai 2021**<br>*(Essential)* | **Pemulih perlu ditambah baik untuk industri hotel**<br><br>Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini perlu ditambah baik agar dapat memberi kesan yang lebih menyeluruh untuk industri perhotelan. Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Yap Lip Seng berkata, antaranya melibatkan diskaun elektrik yang diberi hanya sepuluh peratus berbanding 50 peratus yang dicadangkan pihaknya. Kata beliau, Tenaga Nasional Berhad (TNB). | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/07/pemulih-perlu-ditambah-baik-untuk-industri-hotel/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24. | **Utusan Malaysia**<br>**8 Julai 2021**<br>*(Essential)* | **Lebih 4,000 pekerja hotel mohon dipercepat terima vaksin**<br><br>Lebih 4,000 pekerja industri perhotelan di Pulau Pinang memohon kerajaan mempercepatkan proses pemberian vaksin COVID-19 kepada pekerja hotel dan penggiat pelancongan supaya mereka dapat kembali beroperasi segera.<br><br>Pengurus Besar Hotel Royal, **Amran Taib** berkata, sektor pelancongan dan perhotelan dijangka dapat dibuka pada fasa ketiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) namun pekerja hotel termasuk di Pulau Pinang masih tidak menerima vaksin COVID-19. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/lebih-4000-pekerja-hotel-mohon-dipercepat-terima-vaksin/ |
| | **E. Subsektor Kesenian, hiburan & rekreasi** | | |
| 25. | **The Edge**<br>7 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **MyCreative Ventures provides 6-month moratorium to eligible applicants**<br><br>KUALA LUMPUR (July 6): MyCreative Ventures Sdn Bhd will provide a six-month loan moratorium to eligible applicants under the National People's Well-being and Economic Recovery Package (PEMULIH). | https://www.theedgemarkets.com/article/mycreative-ventures-provides-6month-moratorium-eligible-applicants |

Penemuan penting & isu:

1. PublicInvest Research kekalkan saranan *'overweight'* untuk sektor minyak dan gas dengan jangkaan harga minyak boleh melonjak ke paras US$80 setong.

2. Honor tawar penjimatan sehingga RM280 kepada mereka yang mencari komputer riba dan peranti boleh pakai menerusi jualan 7.7 Shopee yang akan berlangsung dari 5 hingga 7 Julai 2021.

3. Manfaat 2.9 juta pembeli shopee melalui baucar diskaun, pulangan tunai dan subsidi penghantaran percuma.

4. *New launches driving industry such as the Perodua Ativa, Proton X50, Honda City, and Toyota Yaris and Vios along with overflowing back-logged bookings and the extension of sales and service tax (SST) exemption, and seasonal promotions.*

5. *Isuzu more than doubles D-Max sales in Malaysia recorded over 100 per cent rise in orders since its recent debut.*

6. Adeeena Hijab sasar jual 10,000 selendang melalui pemasaran diatas talian.

7. UMWT tambah pelaburan RM270 juta untuk menggerakkan inisiatif pengecualian karbon menerusi usaha pengeluaran kenderaan hibrid elektrik (HEV) di peringkat tempatan.

8. Carsome ambil alih PT UC perluas pasaran seberang laut.

9. Ordersini platform e-dagang inovatif menjadi trend pengguna termasuk peniaga bukan sahaja di negara ini malah di seluruh dunia.

10. *Petronas gets RM29mil China deal to supply LNG.*

11. *Boustead mulling options, including sale, for palm oil unit subsidiary including a sale, people with knowledge of the matter.*

12. Kempen *Go-Ecommerce* onboarding galakkan usahawan PKS berniaga online bagi menanggung kos pendigitalan perniagaan PKS yang terjejas dengan pelaksanaan Kawalan Pergerakan yang berterusan dalam Pelan Pemulihan Negara bagi mengawal penularan pandemik COVID-19.

13. Petronas bekal LNG RM29.11 bilion kepada anak syarikat *China National Offshore Oil Corporatio*n (CNOOC), CNOOC *Gas and Power Trading Marketing Limited.*

14. *Petronas's new solar energy business is now operational, on track to meet the NZCE 2050 target to improve energy efficiency and reduce carbon emissions through its new energy business.*

15. Peruntukan bantuan bagi koperasi yang terjejas membantu kelangsungan aktiviti perniagaan gerakan koperasi dan menyediakan kemudahan tunai tambahan untuk operasi koperasi.

16. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, terdahulu dilaporkan berkata 112 atau 53.1 peratus daripada 211 hospital swasta di seluruh negara, bersetuju untuk menyediakan rawatan COVID-19, setakat 1 Julai lalu. Baki 46.9 peratus lagi hospital swasta masih dalam proses latihan dan persediaan, ketika ini, sebelum berupaya untuk memberi perkhidmatan rawatan kepada pesakit COVID-19.

17. Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah ProtectHealth telah berjaya memberikan 110,000 dos vaksin setiap hari pada akhir bulan Jun.

18. Isu kesihatan mental semakin meruncing sejak kebelakangan ini berikutan kesan penularan COVID-19 dan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh. Berdasarkan norma Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), nisbah yang digunakan ialah seorang psikiatri bagi setiap 10,000 penduduk, status Malaysia setakat 2017 lalu ialah 0.1 psikiatri bagi setiap 10,000 penduduk.

19. Antara langkah-langkah diambil kerajaan bagi mengelakkan kelumpuhan sistem kesihatan di empat negeri termasuklah memindahkan pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta, bekerjasama dengan hospital swasta dan menggalakkan penubuhan lebih banyak Pusat Kuarantin Risiko Rendah Swasta (PKRCS) kendalian fasiliti kesihatan swasta.

20. Tinjauan Persatuan Hotel Malaysia (MAH) ke atas 320 hotel di seluruh negara mendapati 44.69 peratus hotel melaksanakan pemotongan gaji langsung, 14.06 peratus telah memberhentikan pekerja sementara 34.69 peratus lagi telah mengurangkan faedah kepada pekerja.

21. Berdasarkan statistik MAH, 70 peratus hotel masih beroperasi. Terdapat hotel yang beroperasi sebagai pusat kuarantin dan selebihnya bergantung kepada pelanggan dari sektor perubatan, minyak dan gas.

22. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Yap Ling Seng, kadar penghunian tidak melebihi 20 peratus.

23. Lebih 4,000 pekerja industri perhotelan di Pulau Pinang memohon kerajaan mempercepatkan proses pemberian vaksin COVID-19 kepada pekerja hotel dan penggiat pelancongan supaya mereka dapat kembali beroperasi segera.

24. MyCreative Venture memberikan moratorium pinjaman enam bulan (Julai – Disember 2021) kepada pemohon yang layak di bawah Pakej Perlindungan

| |
|---|
| Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bermula 7 sehingga 31 Julai 2021 disamping kemudahan lain seperti hibah, pinjaman mudah dan program latihan |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Sumbangan aktiviti koperasi dengan fungsi kredit dalam Perkhidmatan Kewangan adalah sebanyak 0.9%.<br>2. Tindakan Kementerian Kesihatan (KKM) memperluaskan penyumberluaran (*outsourcing*) pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta dijangka turut menyumbang kepada peningkatan hasil industri kesihatan pada suku tahun akan datang. Selain itu hasil juga disumbangkan oleh peningkatan rancak kadar pemberian vaksin oleh hospital dan klinik swasta yang turut terlibat dalam PICK.<br>3. Kadar penghunian yang rendah serta penutupan hotel disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.<br>4. Pemberhentian pekerja akan menjejaskan bilangan pekerja industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.<br>5. Moratorium pinjaman ini dilihat dapat membantu meringankan beban kewangan industri kreatif yang terjejas berikutan penularan pandemik COVID-19. |

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>7 Julai 2021<br>(*Non-Essential)* | **Malaysia eyes to become producer of single-origin, premium quality cocoa beans**<br><br>Malaysia will focus on becoming a producer of single-origin and premium quality cocoa beans to ensure the products comply with the Malaysian Standards and other international regulations and standards, including food safety.<br><br>In 2020, the cocoa sector contributed RM6.23 billion to the country's export earnings. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1980081 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Competition for land use with other crops such as oil palm, escalating input costs, and pests and diseases problems are the major factors affecting the growth of the upstream cocoa industry. | |
| 2. | **Sinar Harian**<br>7 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Tutup operasi kilang sarung tangan jejas pendapatan seberang laut**<br><br>Penutupan sementara kilang-kilang sarung tangan bukan hanya akan mempengaruhi pendapatan syarikat tetapi juga boleh menjejaskan hubungan mereka dengan pembeli luar negara terutama ketika pengeluar sarung tangan Malaysia pada masa ini berhadapan persaingan yang semakin sengit daripada pembuat sarung tangan China.<br><br>Top Glove, Hartalega dan Kossan telah menggantung operasi kilang pengeluaran sarung tangan masing-masing di Selangor pada Selasa susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). | https://www.sinarharian.com.my/article/148568/BISNES/Tutup-operasi-kilang-sarung-tangan-jejas-pendapatan-seberang-laut |
| 3. | **The Star**<br>8 Julai 2021<br>*(Essential)* | **COVID-19: Number of vaccines administered crosses 10 million mark**<br><br>A total of 10,036,361 doses of COVID-19 vaccine have been administered in Malaysia to date.<br><br>Of the overall total, he said 6,999,554 people had received their first dose and 3,036,807 | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/07/08/jkjav-375842-covid-19-vaccine-doses-given-on-wednesday-july-7 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | were fully vaccinated with both doses.<br><br>The five states with the highest number of two-dose vaccinations are Sarawak with 43,834 doses followed by Selangor (30,964); Kuala Lumpur (20,784); Johor (14,146); and Sabah (11,535). | |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia akan memberi tumpuan untuk menjadi pengeluar biji koko bermutu tunggal dan berkualiti premium untuk memastikan produk mematuhi Piawaian Malaysia dan peraturan dan piawaian antarabangsa yang lain, termasuk keselamatan makanan. Pada tahun 2020, sektor koko menyumbang RM6.23 bilion untuk pendapatan eksport negara. Persaingan penggunaan tanah dengan tanaman lain seperti kelapa sawit, kenaikan kos input, dan masalah perosak dan penyakit adalah faktor utama yang mempengaruhi pertumbuhan industri koko hulu.

2. Penutupan sementara kilang-kilang sarung tangan bukan hanya akan mempengaruhi pendapatan syarikat tetapi juga boleh menjejaskan hubungan mereka dengan pembeli luar negara terutama ketika pengeluar sarung tangan Malaysia pada masa ini berhadapan persaingan yang semakin sengit daripada pembuat sarung tangan China. Top Glove, Hartalega dan Kossan telah menggantung operasi kilang pengeluaran sarung tangan masing-masing di Selangor pada Selasa susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

3. Sejumlah 10,036,361 dos vaksin COVID-19 telah diberikan di Malaysia sehingga kini. Dari jumlah keseluruhan, 6.99 juta penduduk Malaysia telah menerima dos pertama mereka dan 3.06 juta telah diberi vaksin sepenuhnya dengan kedua-dua dos tersebut. Lima negeri dengan jumlah vaksinasi dua dos tertinggi adalah Sarawak dengan 43,834 dos diikuti oleh Selangor (30,964); Kuala Lumpur (20,784); Johor (14,146); dan Sabah (11,535).

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport biji koko bagi Mei 2021 adalah RM106.0 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM32.2 juta atau 43.8 peratus bulan ke bulan. Volum eksport biji koko bagi Mei 2021 adalah 9,839 tan metrik dan mencatatkan peningkatan sebanyak 3,428.4 tan metrik atau 53.5 peratus bulan ke bulan.

2. Nilai eksport sarung tangan getah bagi Mei 2021 adalah RM5,532 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM1,165.8 juta atau 17.4 peratus bulan ke bulan. Volum eksport sarung tangan getah bagi Mei 2021 adalah 76,653 tan metrik dan turut mencatatkan penurunan sebanyak 14,076 tan metrik atau 15.5 peratus. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport sarung tangan getah dengan nilai eksport bagi Mei 2021 adalah RM 54.5 juta atau 37.2 peratus diikuti India (RM14.69 juta atau 10.0 peratus) dan Belanda (RM7.71 juta atau 5.3 peratus).

3. Malaysia mengimport vaksin COVID-19 yang terkandung dalam kod HS sepuluh digit 3002209000: *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products.vaccines for human medicine: other than tetanus toxoid and pertusis, measles, meningitis or polio vaccines* sebanyak RM119.7 juta bagi Mei 2021 dan menunjukkan penurunan sebanyak RM34.1 juta atau 22.2 peratus berbanding bulan sebelumnya.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **BH Online**<br>**8 Julai 2021**<br>*(non-essential)* | **Ingkar SOP, 2 tapak bina di Sarawak diarah tutup**<br><br>Dua tapak pembinaan di Kuching dan Betong diarah menghentikan operasi serta-merta selepas didapati tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/837082/ingkar-sop-2-tapak-bina-di-sarawak-diarah-tutup |
| 2. | **The Edge**<br>**6 July 2021**<br>*(essential)* | **Factory in Miri, Sarawak triggers 113 COVID-19 infections after flouting SOP**<br><br>A plywood factory in Kuala Baram, Miri which failed to comply with the standard operating procedure (SOP) on the number of workers permitted at the workplace has triggered a new COVID-19 | https://www.theedgemarkets.com/article/factory-miri-sarawak-triggers-113-covid19-infections-after-flouting-sop |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Cluster in Sarawak, with 113 positive cases detected. | |
| 3. | **The Edge**<br>**7 July 2021**<br>*(essential)* | **Glove makers in Selangor shut down temporarily due to EMCO**<br><br>Glove manufacturers have suspended their operations in Klang due to the Enhanced Movement Control Order (EMCO) in several districts in Selangor | https://www.theedgemarkets.com/article/glove-makers-klang-shut-down-temporarily-due-emco |

Penemuan penting & isu:

1. CIDB mengadakan satu Operasi Pemeriksaan Tapak Bina Pelan Pemulihan Negara dengan lapan tapak pembinaan di Sarawak diperiksa dengan empat daripadanya tidak beroperasi, dua tapak beroperasi dan patuh prosedur operasi SOP. Dua lagi tapak pembinaan iaitu di Kuching dan Betong didapati beroperasi tetapi tidak mematuhi SOP ditetapkan. Antara kesalahan tapak pembinaan terbabit termasuk surat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang bercanggah dengan kerja di tapak bina dan tidak patuh SOP. CIDB sudah mengeluarkan notis pemberhentian kerja bagi tapak pembinaan terbabit.

2. *The factory workers' quarters of plywood factory in Kuala Baram, Miri have been placed under the Enhanced Movement Control Order (EMCO) from July 1 to 15. 14-day closure order from July 5 to 15 and an RM10,000 compound had been issued to the factory's management, which failed to ensure that only 50% of the workforce was present at the factory, as stipulated by the state's Ministry of International Trade & Industry, Industrial Terminal and Entrepreneur Development.*

3. *On Sunday (July 4), the Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association (MARGMA) urged the government to allow glove factories in Selangor to operate under the EMCO. Since the government's announcement on the imposed EMCO on the state of Selangor, global customers of our manufacturers have been calling with great concern on shortage of production and delivery of gloves to them as the pandemic has now evolved into another variant.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemeriksaaan tapak bina oleh CIDB sejak 1 Jun 2021 mendapati 201 tapak pembinaan seluruh negara diarah tutup iaitu 55 daripadanya di Sarawak berikutan kegagalan mematuhi SOP yang ditetapkan bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Tapak pembinaan di negeri lain yang diarah tutup itu adalah Selangor (44), Melaka (17), Kuala Lumpur (17), Johor (13), Sabah (12), Pulau Pinang (11), Negeri Sembilan (8), Terengganu (6), Pahang

| | |
|---|---|
| | (6), Perak (4), Kedah (3), Perlis (3), Kelantan (2). Walaubagaimanapun, 46 daripadanya atau 22.8 peratus sudah dibenarkan beroperasi semula, selepas didapati mematuhi SOP yang ditetapkan iaitu 15 di Sarawak, Selangor (9), Melaka (7), Terengganu (4), Perak (4), Kuala Lumpur (2), Johor (2), Kelantan (1), Sabah (1) dan Kedah (1). Penutupan hampir 80 peratus tapak bina akibat pelanggaran SOP akan memberi impak kepada penurunan nilai kerja projek yang berkaitan pada suku tahun kedua dan ketiga 2021.<br><br>2. Pelaksanaan penutupan sementara kilang papan lapis di Kuala Beram, Miri selama 14 hari dari 5 hingga 15 Julai, disebabkan 113 kes dilaporkan berkenaan jangkitan COVID19 di kalangan pekerja akibat kegagalan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di kilang tersebut.<br><br>3. Pemberhentian sementara pembuatan sarung tangan getah di Klang kerana EMCO akan menyebabkan kekurangan penghasilan dan pengiriman sarung tangan getah kepada hospital kerana pandemik kini telah berkembang menjadi varian baru. |

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge**<br>7 Julai 2021<br>*(Essential)* | **MSIA: Companies with employees fully inoculated against COVID-19 should be able to operate at full capacity.**<br><br>The electrical and electronics (E&E) industry, especially the semiconductor ecosystem, has critical cross-industry linkages and applications. The global semiconductor and electronics industry plays a critical role in the global economy and the supply of vital components for medical devices, critical infrastructure, and equipment vital to healthcare. Currently the global electronics industry is facing an acute component shortage impacting the medical equipment, automotive and other electronics products. The E&E sector contributed to 6.8% of total gross domestic product and 39% of total | https://www.theedgemarkets.com/article/msia-companies-employees-fully-inoculated-against-covid19-should-be-able-operate-full |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | exports in 2020, while it employs 575,000 people. | |
| 2. | **Sinar Harian**<br>07 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **Permintaan perjalanan udara catat peningkatan: IATA**<br><br>Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengumumkan permintaan perjalanan antarabangsa dan domestik mencatatkan sedikit peningkatan pada Mei 2021 berbanding bulan sebelumnya. Bagaimanapun, trafik udara masih berada di bawah paras sebelum pandemik manakala pemulihan trafik antarabangsa terutamanya terus terhalang oleh sekatan ketat yang dilaksanakan di kebanyakan negara. | https://www.sinarharian.com.my/article/148721/BISNES/Permintaan-perjalanan-udara-catat-peningkatan-IATA |

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia mencadangkan agar pekerja yang sudah menerima vaksin COVID-19 dibenarkan untuk beroperasi secara penuh. Ini terutamanya disebabkan oleh sektor E&E yang kritikal kepada bekalan domestik dan global dan digunakan dalam semua peralatan termasuklah peralatan perubatan. Pada masa ini, bekalan global sedang mengalami kekurangan komponen bagi produk E&E. Sementara itu, Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) telah dimulakan dan ini akan menambah bilangan penerima vaksin, justeru membenarkan syarikat dan rantaian bekalan untuk beroperasi dengan selamat sementara mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

2. Jumlah permintaan bagi perjalanan udara pada Mei 2021 turun 62.7 peratus berbanding Mei 2019. Namun, ia merupakan peningkatan berbanding April 2021 yang mencatatkan penurunan 65.2 peratus berbanding April 2019. Ini terutamanya disebabkan oleh sekatan ketat yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara. Jumlah permintaan domestik susut 23.9 peratus berbanding paras sebelum krisis (Mei 2019). IATA menyaksikan perkembangan positif dengan beberapa pasaran antarabangsa membukakan sempadan kepada pengembara yang telah menerima vaksin.

Maklumbalas Bahagian:

1. Operasi separa syarikat E&E membuatkan rantaian bekalan domestik dan global terganggu. Namun, vaksinasi terhadap syarikat berasaskan E&E mampu memberikan peluang untuk syarikat beroperasi secara normal dan mengurangkan risiko jangkitan. Ini memberi kesan kepada penyusutan statistik Akaun Semasa terutamanya komponen Barangan. Pada suku pertama 2021, komponen Barangan mencatatkan lebihan RM36.6 bilion berbanding RM42.6 bilion pada suku sebelumnya.

2. Sekatan perjalanan udara antarabangsa masih lagi berlanjutan di kebanyakan negara. Namun, beberapa pasaran antarabangsa mula membuka sempadan kepada pengembara yang sudah menerima vaksin. Ini akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Perkhidmatan terutamanya komponen Perjalanan dan Pengangkutan. Pada suku pertama 2021, akaun Perkhidmatan mencatatkan defisit sebanyak RM15.0 bilion berbanding RM14.0 bilion pada suku sebelumnya.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>6 Julai 2021<br>(*Essential*) | **Urus niaga e-dagang Malaysia meningkat 30 peratus**<br><br>Sektor e-dagang Malaysia mencatatkan pendapatan RM254.6 bilion pada suku pertama tahun ini, melonjak 30 peratus daripada RM195.9 bilion yang diraih tempoh sama tahun lalu. Pertumbuhan positif itu dipacu sektor pembuatan dan perkhidmatan.<br><br>Tahun lalu, e-dagang Malaysia meraih pendapatan RM896.4 bilion, melonjak 32.7 peratus berbanding yang diraih pada 2019.<br><br>Pendapatan e-dagang mengikut jenis pelanggan melalui perniagaan kepada perniagaan (B2B) meningkat 13 peratus kepada RM449.6 bilion, | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/836152/urus-niaga-e-dagang-malaysia-meningkat-30-peratus |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | diikuti perniagaan kepada pengguna (B2C) naik 53.3 peratus kepada RM194.0 bilion, manakala perniagaan kepada kerajaan (B2G) turut meningkat 55.7 peratus kepada RM31.8 bilion. | |
| 2. | **Astro Awani**<br>8 Julai 2021<br>(essential) | **MEDAC sedia RM20 juta bantu koperasi terjejas**<br><br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan memperuntukkan RM20 juta daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi membantu koperasi yang terjejas.<br><br>Menurut MEDAC, peruntukan akan diagihkan menerusi empat Program Pemulihan Koperasi iaitu Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR), Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) dan Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT).<br><br>Menerusi program KPR akan menggalakkan penubuhan koperasi baharu bagi membolehkan kumpulan sasaran iaitu usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), individu terjejas dan hilang punca pendapatan menjalankan | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/medac-sedia-rm20-juta-bantu-koperasi-terjejas-307308 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | aktiviti ekonomi secara berkumpulan melalui koperasi. | |

Penemuan penting & isu:

1. Pendapatan sektor e-dagang Malaysia melonjak 30 peratus kepada RM254.6 bilion pada suku pertama 2021 berbanding RM195.9 bilion yang dicatatkan pada suku yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif itu dipacu sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pada tahun 2020, prestasi sektor e-dagang turut melonjak 32.7 peratus dengan pendapatan sebanyak RM896.4 bilion. Selain itu, pendapatan e-dagang mengikut jenis pelanggan melalui perniagaan kepada perniagaan (B2B) meningkat 13 peratus kepada RM449.6 bilion, diikuti perniagaan kepada pengguna (B2C) melonjak 53.3 peratus kepada RM194.0 bilion, manakala perniagaan kepada kerajaan (B2G) turut meningkat 55.7 peratus kepada RM31.8 bilion.

2. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memperuntukkan RM20 juta daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi membantu koperasi yang terjejas. Peruntukan tersebut akan diagihkan menerusi empat Program Pemulihan Koperasi iaitu Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR), Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) dan Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT).

Maklumbalas Bahagian:

1. Pertumbuhan memberangsangkan sektor e-dagang Malaysia dengan lonjakan pendapatan sebanyak 30 peratus bagi suku pertama 2021 kepada RM254.6 bilion berbanding suku yang sama tahun lalu mencerminkan situasi perniagaan yang mengalami peralihan kepada transformasi digital, seiring dengan perkembangan teknologi kini. Transformasi digital yang pesat ini merupakan norma baharu yang dicetuskan ekoran daripada pandemik COVID-19 yang merangsang pertumbuhan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di kalangan peniaga dan masyarakat di Malaysia.

| G. | Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>5 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Harga rumah dijangka meningkat 3.0 hingga 12 peratus pada 2022- 2023**<br><br>Harga rumah di Malaysia dijangka meningkat tiga peratus dalam jangka 12 bulan akan datang dan terus melonjak 12 peratus bagi tempoh 12 bulan berikutnya. Bagi pasaran sewa, walaupun dijangka menunjukkan pertumbuhan hanya satu peratus bagi 12 bulan akan datang. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1979177 |
| 2. | **Kosmo!**<br>**6 Julai 2021**<br>***(Essential)*** | **Orang ramai serbu kedai gunting rambut**<br><br>Rata-rata golongan peniaga di Terengganu mula menarik nafas lega selepas mereka sudah boleh membuka perniagaan seperti biasa apabila negeri itu memasuki Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) semalam. | https://www.kosmo.com.my/2021/07/06/orang-ramai-serbu-kedai-gunting-rambut/ |
| 3. | **Kosmo!**<br>**6 Julai 2021**<br>***(Essential)*** | **Cuci kereta dibenar di negeri fasa dua PPN**<br><br>Perkhidmatan cuci kenderaan yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dibenarkan beroperasi di negeri-negeri yang berada dalam fasa dua PPN. | https://www.kosmo.com.my/2021/07/06/cuci-kereta-dibenar-di-negeri-fasa-dua-ppn/ |
| 4. | **Utusan Malaysia**<br>**7 Julai 2021**<br>***(Non-Essential)*** | **Durian dijangka turun harga**<br><br>Buah durian dijangka mengalami penurunan harga berikutan raja buah itu mulai luruh serentak di kebanyakan daerah di negeri Perak, tidak lama lagi. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/durian-dijangka-turun-harga/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **Bernama**<br>**7 Julai 2021**<br>***(Essential)*** | **RON97 naik satu sen, RON95, diesel tidak berubah**<br><br>Harga runcit petrol RON97 naik satu sen kepada RM2.70 seliter manakala harga RON95 dan diesel tidak berubah bermula tengah malam ini hingga 14 Julai depan. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1979966 |
| 6. | **Reuters**<br>8 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Oil falls in volatile trade as investors seek OPEC clarity**<br><br>NEW YORK, July 7 (Reuters) - Oil prices fell more than $1 a barrel on Wednesday in another seesaw trading session, as investors feared what this week's collapse in OPEC+ talks meant for worldwide production.<br><br>Crude markets have been volatile over the last two days following the breakdown of discussions between major oil producers Saudi Arabia and United Arab Emirates.<br><br>Brent crude settled at $73.43 a barrel, falling $1.10, or 1.5%. U.S. West Texas Intermediate settled at $72.20 a barrel, shedding $1.17 or 1.6%. Both benchmarks rallied more than $1 a barrel earlier in the session, similar to Tuesday's action.<br><br>The Organization of the Petroleum Exporting Countries and its allies, including Russia, known as OPEC+, have restrained supply for more than a year since demand crashed during the coronavirus pandemic. | https://www.reuters.com/world/middle-east/oil-steadies-after-tumble-market-awaits-opec-clarity-2021-07-07/ |

Penemuan penting & isu:

1. Juwai IQI (firma teknologi hartanah) berkata harga rumah dijangka meningkat 3 peratus dalam jangka 12 bulan akan datang. Bagi sewaan juga dijangka akan meningkat hanya 1 peratus bagi 12 bulan akan datang. Peningkatan ini ekoran daripada pembukaan semula ekonomi dalam mengekang pandemic COVID-19.

2. Bagi negeri yang memasuki Fasa Kedua PPN, antara premis yang menjadi tumpuan orang ramai adalah kedai gunting rambut, pusat cuci kenderaan, kedai elektrik dan kedai buku.

3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memaklumkan kebenaran cuci kenderaan dibenarkan beroperasi termasuklah pembersihan manual, separa automatik dan automatik. Aktiviti pasar pagi dan pasar tani juga turut dibenarkan beroperasi dalam tempoh fasa dua PPN bermula dari 7 pagi hingga 11 pagi dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat meliputi bilangan pengunjung dan penjarakan minimum dua meter. Enam komoditi utama sahaja iaitu ikan, daging, ayam, telur, sayuran dan buah-buahan sahaja dibenarkan untuk dijual.

4. Pulau Pinang beralih ke fasa kedua PPN yang mana beberapa aktiviti ekonomi akan dibuka semula dan lebih banyak aktiviti rekreasi dibenarkan. Jualan harga durian semakin menurun sejak kebelakangan ini berbanding pada peringkat awal buah durian mulai luruh, awal bulan lalu. Pada pertengahan bulan lalu, harga buah durian kampung boleh mencecah sehingga RM14 sekilogram. Namun harga itu turun sehingga RM8 hingga RM10 mulai awal bulan ini. Harga durian dijangka turun lagi sebab kebanyakan daerah di Perak, buah durian sudah mulai luruh serentak, jadi mungkin berlaku lambakan buah.

5. Harga runcit petrol RON97 naik satu sen kepada RM2.70 seliter berbanding RM2.69 sebelum ini manakala harga RON95 dan diesel tidak berubah bermula tengah malam ini hingga 14 Julai depan. Harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 sen seliter manakala harga diesel kekal pada paras RM2.15 sen seliter.

6. Harga minyak turun lebih dari $1 setong pada hari Rabu dalam sesi perdagangan, kerana para pelabur bimbang kejatuhan minggu ini dalam perbincangan OPEC + untuk pengeluaran di seluruh dunia. Pasaran minyak mentah tidak stabil dalam dua hari terakhir berikutan kerosakan perbincangan antara pengeluar minyak utama Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu. Buat masa ini, perjanjian sedia ada yang membuat bekalan tidak terkawal tetap berlaku. Tetapi pemecahan itu juga dapat menyebabkan pengeluar yang ingin memanfaatkan kenaikan permintaan, untuk mula membekalkan lebih banyak minyak yang diramalkan sebelumnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan harga beli dan sewa rumah akan memberi kesan kepada indeks subsektor Aktiviti Hartanah. Jangkaan peningkatan ini akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) pada 2022.

2. Pembukaan semula kedai gunting rambut, pusat cuci kenderaan, kedai elektrik dan kedai buku bagi negeri yang memasuki FASA ke 2 PKP memberi kelegaan kepada pengguna. SOP bagi operasi premis ditetapkan oleh kerajaan seperti had bilangan pelanggan dan tempoh operasi dijangkakan mungkin akan memberi kesan kepada harga runcit perkhidmatan tersebut, berikutan pengusaha perlu menampung kos operasi bagi penyediaan keperluan untuk mematuhi SOP.

3. Penurunan harga durian berikutan isu lambakan bekalan dijangkakan akan meredakan inflasi bagi subkumpulan buah-buahan.

4. Kenaikan harga RON97 akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Pengangkutan terutamanya bagi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian.

5. Penurunan harga minyak mentah dunia pada minggu pertama Julai 2021 boleh memberi impak kepada Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia jika berlarutan sehingga hujung bulan Julai kerana sumbangan minyak mentah sangat signifikan dalam prestasi IHPR.

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>08 Julai 2021<br>(*Non-Essential*) | **COVID-19 Malaysia tertinggi, 8,868 kes hari ini**<br><br>Kes baharu positif COVID-19 melepasi angka 8,000 dengan mencatatkan 8,868 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 dalam negara setakat ini sebanyak 808,658 kes. | https://www.sinarharian.com.my/article/148832/KHAS/Covid-19/Covid-19-Malaysia-tertinggi-8868-kes-hari-ini |

| Penemuan penting & isu: |
|---|
| 1. Data jangkitan kes positif baharu di setiap negeri dengan Selangor masih kekal kekal tertinggi dengan 4,152 kes. Kuala Lumpur mencatatkan kes baharu dengan 1,133 kes diikuti Negeri Sembilan yang melaporkan kes ketiga tertinggi hari ini dengan 897 kes. |

| Maklumbalas Bahagian: |
|---|
| 1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:<br>- Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);<br>- Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;<br>- Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan<br>- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.<br><br>2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) Warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) Bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama. |

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>06 Julai 2021<br>*(Essential)* | **KPKT perluas vaksin bergerak kepada komuniti peniaga kecil**<br><br>Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini diperluaskan kepada komuniti peniaga kecil.<br><br>Program tersebut diperluaskan kepada penjaja pasar malam, | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836114/kpkt-perluas-vaksin-bergerak-kepada-komuniti-peniaga-kecil |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pasar tani, pasar pagi, pasar basah dan lain-lain peniaga yang termasuk dalam kategori penjaja dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). | |
| 2. | **Berita Harian**<br>06 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **58.3 peratus guru sudah divaksin**<br><br>Sebanyak 58.3 peratus guru di seluruh negara telah menerima suntikan sekurang-kurangnya dos pertama vaksin COVID-19. Jumlah itu meliputi 39.98 peratus guru di Selangor yang telah divaksin dalam usaha mengekang penularan wabak berkenaan, termasuk di institusi pendidikan.<br><br>Segelintir negeri didapati melepasi kadar 90 peratus vaksinasi. Namun, masih ada negeri mencatat kadar pemberian vaksin yang masih rendah dalam kalangan guru. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836184/583-peratus-guru-sudah-divaksin |
| 3. | **Harian Metro**<br>07 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **1,800 keluarga B40 terima bantuan Tabung Warga TNB Prihatin**<br><br>Lebih 1,800 keluarga B40 dari seluruh Semenanjung yang terkesan akibat pandemik COVID-19 menerima bantuan wang tunai dengan nilai agihan melebihi RM1 juta menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP).<br><br>Tabung WTP yang dilancarkan pada 9 Jun lalu adalah wadah untuk warga kerja TNB terus membantu rakyat yang | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/727477/1800-keluarga-b40-terima-bantuan-tabung-warga-tnb-prihatin |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | memerlukan dalam suasana pandemik yang berlanjutan. | |
| 4. | **Harian Metro**<br>07 Julai 2021<br>*(Non-Essential)* | **102 pesakit terlantar, OKU terima vaksin di rumah**<br><br>Seramai 102 pesakit terlantar, Orang Kurang Upaya (OKU) dan uzur sudah divaksinasi pada hari pertama Program Vaksinasi Rumah ke Rumah di Hulu Langat, semalam.<br><br>Program itu kerjasama antara Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Pertubuhan Wanita Malaysia Untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Yayasan MyNadi. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/727566/102-pesakit-terlantar-oku-terima-vaksin-di-rumah |

Penemuan penting & isu:

1. Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini diperluaskan kepada komuniti peniaga kecil.

2. Sebanyak 58.3 peratus guru di seluruh negara telah menerima suntikan sekurang-kurangnya dos pertama vaksin COVID-19.

3. Lebih 1,800 keluarga B40 dari seluruh Semenanjung yang terkesan akibat pandemik COVID-19 menerima bantuan wang tunai dengan nilai agihan melebihi RM1 juta menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP).

4. Seramai 102 pesakit terlantar, Orang Kurang Upaya (OKU) dan uzur sudah divaksinasi pada hari pertama Program Vaksinasi Rumah ke Rumah di Hulu Langat, semalam.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peniaga kecil perlu segera divaksin supaya mereka boleh membuka semula operasi perniagaan bagi meneruskan kelangsungan perniagaan mereka. Merujuk kepada Survei Sektor Informal 2019, bilangan tenaga kerja di dalam sektor informal adalah seramai 1.26 juta orang.

2. Memberi keutamaan vaksinasi kepada guru adalah inisiatif kerajaan untuk memastikan keselamatan murid dan guru terjamin apabila pembukaan sekolah diumumkan oleh kerajaan kelak. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan guru sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing seramai 235,987 orang dan 180,572 orang.

3. Golongan B40 adalah antara golongan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini. Pemberian bantuan wang tunai kepada golongan tersebut melalui Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) dapat membantu meringankan beban mereka. Merujuk kepada My Local Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, Pendapatan penengah bulanan bagi kumpulan isi rumah B40 di Malaysia adalah RM3,166. Sebanyak 16.0 peratus daripada jumlah pendapatan dimiliki oleh kumpulan B40.

4. Golongan OKU merupakan antara golongan yang berisiko semasa pandemik ini. Program Vaksinasi Rumah ke Rumah akan memudahkan golongan tersebut menerima vaksin, sekali gus mencapai imuniti kelompok secepat mungkin. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 548,195 orang.

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Utusan Online**<br>5 Julai 2021<br>*(Essential)* | **Kambing korban dijual secara online**<br><br>Jika sebelum ini, setiap kali menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha, Husmizar Hussain,41, dari Jalan Kolam, Kampung Alor Merah di sini mampu menjual lebih 150 ekor kambing untuk ibadah korban.<br><br>Namun, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam tempoh pandemik COVID-19, kambing peliharaan Husmizar hanya mampu terjual sekitar 30 ekor sahaja. | https://www.utusan.com.my/nasional/2021/07/kambing-korban-dijual-secara-online/ |

<table>
<tr><td>2.</td><td>Harakah Daily<br>07 Julai 2021<br>(Essential)</td><td>21,802 orang terima manfaat program MAFI Prihatin<br><br>Seramai 21,802 orang terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan badan bukan kerajaan (NGO) di 82 lokasi seluruh negara telah menerima manfaat daripada program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dikenali sebagai MAFI Prihatin bermula 27 Mei lepas.</td><td>https://harakahdaily.net/index.php/2021/07/07/21802-orang-terima-manfaat-program-mafi-prihatin/</td></tr>
<tr><td colspan="4">Penemuan penting & isu:<br><br>1. Seorang pengusaha kambing yang terkesan dalam tempoh pandemik COVID-19 telah mengambil inisiatif baharu dengan cuba berniaga kambing tersebut secara dalam talian khususnya untuk para pelanggan yang tidak dapat pulang ke kampung halaman di Perlis sempena sambutan Hari Raya Aidiladha yang bakal menjelang. Promosi kambing secara dalam talian itu dilaksanakan antaranya menggunakan medium Facebook dan Instagram.<br><br>2. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membantu 425 usahawan tani dalam memasarkan 44 jenis hasil pertanian dan produk yang menghadapi kesukaran untuk dipasarkan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jumlah keseluruhan sebanyak 2.9 metrik tan sayur-sayuran dan buah-buahan telah diagihkan. Seramai 16 usahawan tani telah berjaya memasarkan 15 hasil pertanian dan produk mereka.</td></tr>
<tr><td colspan="4">Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Aktiviti penjualan kambing secara dalam talian merupakan satu alternatif baru dalam memasarkan hasil ternakan sejak PKP dilaksanakan. Menerusi Merujuk penerbitan Indikator Pertanian Terpilih (IPT), bilangan ternakan kambing merekodkan anggaran sebanyak 371,747 ekor pada 2019. Sabah merekodkan negeri tertinggi bilangan ternakan iaitu 54,464 ekor diikuti kedah (43,973 ekor) dan Kelantan (40,143 ekor). Kadar Sara Diri (SSR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC) pada 2019 bagi bagi item daging kambing/ bebiri masing-masing adalah 12.1 peratus dan 1.1 kilogram/tahun seperti yang dilaporkan dalam penerbitan SUA 2015-2019.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| | 2. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi agromakanan diterbitkan dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Oleh itu, impak pengeluaran dan permintaan sumber makanan utama terutamanya item buah-buahan dan sayur-sayuran akan dipantau dari masa ke semasa dengan kerjasama dari agensi pertanian. |

| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>**8 Julai 2021**<br>*(Essential)* | **SDP, SDMC buka PPVIN sektor minyak sawit di Sarawak**<br><br>Sime Darby Plantation Bhd (SDP) berserta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (SDMC) telah membuka salah sebuah Pusat Pemberian Vaksin Industri pertama bagi sektor minyak sawit di Ladang Rajawali, Bintulu. Program pemberian vaksin kedua akan dilaksanakan di Ladang Lavang SDP, Bintulu pada 14 Julai 2021. Sasaran pemberian vaksin melibatkan anggaran lebih 4,000 pekerja serta tanggungan mereka yang menetap dalam lokasi operasi SDP di Bintulu. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1980522 |
| 2. | **The Edge Market**<br>**8 July 2021**<br>(*Non-essential*) | **Govt allocates RM3.8 bil for four-month PSU 4.0 from Aug 1 — Tengku Zafrul**<br><br>The Government will extend the Wage Subsidy Programme (PSU) to PSU 4.0 which will be implemented over four months from Aug 1, 2021, to help employers to continue their business and retain their employees. A total allocation of | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-allocates-rm38-bil-fourmonth-psu-40-aug-1-%E2%80%94-tengku-zafrul |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | RM3.8 billion would be channelled to qualified employers and limited to 500 workers for each company.<br><br>The programme has targeted 242,000 employers with about 2.5 million employees nationwide. PSU 4.0 would maintain the rate of RM600 per employee and is open to all economic sectors for the first two months, while the subsequent two months would be specifically for sectors in the negative list. | |
| 3. | **The Edge Market**<br>**7 July 2021**<br>(*Essential*) | **More sectors allowed to operate in Selangor EMCO areas, says MITI**<br><br>The Ministry of International Trade and Industry (MITI) has expanded the list of sectors allowed to operate in Enhanced Movement Control Order (EMCO) areas in Selangor. The additionals include those related to the production of healthcare products, as well as food and beverage.<br><br>Other sectors were electrical & electronics (E&E) sector and its supply chains; aerospace sector (Maintenance, Repair and Overhaul); machinery and equipment (M&E) sector for the production of healthcare and food products; as well as key food and beverage manufacturing companies. | https://www.theedgemarkets.com/article/more-sectors-allowed-operate-selangor-emco-areas-says-miti |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **The Edge Market 6 July 2021** (*Essential*) | **Only companies listed as essential services can operate using new CIMS 3.0 letter — MITI**<br><br>For locations under Phases 1 and 2 of the National Recovery Plan, only companies listed as essential services under the National Security Council's (MKN) standard operating procedures (SOPs) are allowed to operate using the new COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 letter.<br><br>CIMS 3.0 platform is shared among 17 ministries and three agencies; each application will be processed and approved by them according to their respective portfolios. | https://www.theedgemarkets.com/article/only-companies-listed-essential-services-can-operate-using-new-cims-30-letter-%E2%80%94-miti |
| 5. | **The Edge Market 6 July 2021** (*Non-essential*) | **Hartalega joins Top Glove in halting ops due to EMCO**<br><br>Hartalega Holdings Bhd has initiated a full shutdown of all its glove manufacturing facilities in Bestari Jaya and Sepang, due to the enforcement of the Enhanced Movement Control Order (EMCO) in Selangor. The move comes hours after Top Glove Corp Bhd announced a similar closure of its glove factories in Klang.<br><br>This will have a significant impact on both the local and international healthcare value chain in terms of disruption to availability of supply, | https://www.theedgemarkets.com/article/hartalega-joins-top-glove-halting-ops-due-emco |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | as Hartalega is a key manufacturer of nitrile gloves for hospitals globally.<br><br>Hartalega, however, did not specify the timeline of the temporary closure of its manufacturing facilities. | |
| 6. | **Bernama**<br>**6 Julai 2021**<br>*(Non-essential)* | **Grab, Microsoft bekerjasama memperkasa rakan pemandu, penghantar di Malaysia**<br><br>Grab dan Microsoft mengumumkan kerjasama di Malaysia untuk menyediakan program latihan dan pembangunan untuk memperkasa rakan pemandu dan penghantar dengan kemahiran digital. Program latihan ditawarkan menerusi GrabBenefits iaitu program untuk rakan Grab meningkatkan kemahiran dan menambah baik kualiti kehidupan, manakala rakan penghantar dan pemandu boleh mengakses program latihan menerusi GrabAcademy di aplikasi rakan Grab. Inisiatif yang diperkenalkan pada Februari 2021 akan memberi manfaat pada lebih 10,000 rakan pemandu dan penghantar di Malaysia menjelang akhir 2021 dan telah mencapai sasaran 70 peratus penyertaan dalam tempoh 3 bulan. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1979547 |

Penemuan penting & isu:

1. Sime Darby Plantation Bhd (SDP) berserta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (SDMC) telah membuka Pusat Pemberian Vaksin

Industri pertama bagi sektor minyak sawit di Ladang Rajawali, Bintulu. Program pemberian vaksin kedua akan dilaksanakan di Ladang Lavang SDP di Bintulu pada 14 Julai 2021. Sasaran pemberian vaksin melibatkan lebih 4,000 pekerja serta tanggungan mereka yang menetap dalam lokasi operasi SDP di Bintulu.

2. Kerajaan akan melanjutkan Program Subsidi Upah (PSU) menerusi PSU 4.0 selama 4 bulan bermula 1 Ogos 2021, bagi membantu majikan mengekalkan perniagaan dan pekerja. Peruntukan berjumlah RM3.8 bilion akan disalurkan kepada majikan yang layak dan terhad kepada 500 pekerja setiap syarikat. Program ini menyasarkan 242,000 majikan dengan 2.5 juta pekerja seluruh negara. Kadar adalah sebanyak RM600 setiap pekerja dan terbuka kepada semua sektor pada 2 bulan pertama, manakala 2 bulan berikutnya dikhususkan kepada sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif.

3. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah memperluas senarai sektor yang dibenarkan beroperasi dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Diperketatkan di Selangor. Sektor terlibat adalah pembuatan makanan dan minuman utama, elektrik dan elektronik dan rantaian bekalan, aeroangkasa, mesin dan peralatan bagi pengeluaran produk kesihatan dan makanan.

4. Syarikat yang tersenarai sebagai perkhidmatan perlu di bawah Prosedur Operasi Standard Majlis Keselamatan Negara bagi lokasi Fasa 1 dan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara dibenarkan beroperasi menggunakan surat baharu COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0.

5. Hartalega Holdings Bhd telah mula penutupan sepenuhnya semua fasiliti pengeluaran sarung tangan di Bestari Jaya dan Sepang berikutan pelaksanaan PKP Diperketatkan di Selangor. Situasi ini akan memberi impak besar terhadap rantaian bekalan kesihatan dalam dan luar negara berikutan Hartalega merupakan pengeluar utama sarung tangan nitril untuk hospital di seluruh dunia.

6. Grab dan Microsoft telah bekerjasama di Malaysia untuk menyediakan program latihan dan pembangunan untuk memperkasa rakan pemandu dan penghantar dengan kemahiran digital. Program latihan ditawarkan menerusi GrabBenefits (rakan Grab) dan GrabAcademy (rakan penghantar dan pemandu). Inisiatif telah diperkenalkan pada Februari 2021 dijangka memberi manfaat pada lebih 10,000 rakan pemandu dan penghantar di Malaysia menjelang akhir 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Mei 2021 yang diterbitkan pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:
    i) Tenaga buruh: 16,098.9 ribu
    ii) Penduduk bekerja: 15,370.8 ribu
    iii) Penganggur: 728.1 ribu
    iv) Luar tenaga buruh: 7,398.0 ribu
    v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5 peratus
    vi) Kadar pengangguran: 4.5 peratus

2. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
    i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
    ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
    iii) Penganggur: 771.8 ribu
    iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
    v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
    i) Jawatan: 8,437.5 ribu
    ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
    iii) Kekosongan: 177.9 ribu
    iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
    v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
    vi) Kadar kekosongan: 2.1%

4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
    i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
    ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
    iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
    iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
    v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
    vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)